

# TIP

## Keselamatan Elektrik

1

Pastikan pendawaian elektrik di rumah selamat dengan cara:



a)



Menguji Peranti Arus Baki (PAB) dengan menekan butang uji 'T' sekurang - kurangnya sekali sebulan. Jika PAB berfungsi dengan baik, ia akan terpelantik dan bekalan elektrik akan terputus serta-merta.

b)



Dapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST untuk menggantikan PAB sekiranya PAB tidak berfungsi atau rosak.


c)



Memeriksa wayar kelengkapan elektrik dan pastikan ianya tidak koyak atau terdedah sebelum digunakan.

2

Gunakan kelengkapan elektrik yang diluluskan serta mempunyai label keselamatan ST-SIRIM.




3

Pastikan tangan dalam keadaan kering semasa menggunakan kelengkapan elektrik.




4

Elak membebani soket dengan menggunakan kelengkapan elektrik yang berlebihan atau dengan beban yang tinggi.




5

Elak menggunakan telefon bimbit semasa ia sedang dicas.



6

Pastikan semua suis dan kelengkapan elektrik yang tidak digunakan di rumah dimatikan sekiranya anda pulang ke kampung atau bercuti



#ThinkSafety ThinkST